



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

"SEPADU USAHA - TIADA WANITA KETINGGALAN" TEMA SAMBUTAN HARI WANITA KEBANGSAAN 2016

PUTRAJAYA, 19 JULAI – "Sepadu Usaha – Tiada Wanita Ketinggalan" diumumkan sebagai tema sambutan Hari Wanita Kebangsaan 2016 yang bakal berlangsung bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada 25 Ogos ini. Perkara ini diumumkan oleh YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sempena Majlis Perhimpunan Bulanan bilangan 4/2016 di sini, hari ini.

Sambutan Hari Wanita Kebangsaan merupakan platform bagi memberi pengiktirafan atas sumbangan wanita dalam pembangunan dan kemajuan negara. Tema pada tahun ini adalah bertepatan dengan komitmen Malaysia untuk terus memperkasa wanita ke arah kesaksamaan gender. Tema pada tahun ini membawa mesej jelas bagi memastikan setiap wanita mencapai potensi yang paling optimum, kerjasama dan usaha secara bersama oleh semua pihak adalah agenda yang paling utama.

Menurut YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, "Saya berharap dengan adanya sambutan Hari Wanita Kebangsaan ini akan dapat memberi manfaat kepada wanita secara khususnya dan menjadi satu platform untuk mengintegrasikan wanita dalam pelbagai aspek untuk meluahkan pandangan dan isu dalam agenda pembangunan negara".

Sambutan kali ini dijangka akan melaksanakan pelbagai pengisian program yang berinformasi yang bertujuan untuk memberi pendedahan, maklumat dan pengetahuan kepada masyarakat umum terutamanya kepada golongan wanita tentang isu-isu serta peluang yang sedia ada, cabaran-cabaran yang bakal dihadapi dan persekitaran masa kini dan akan datang agar wanita mempunyai daya saing untuk mencapai perkongsian saksama antara wanita dan lelaki.



Sambutan diadakan secara Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) bersama *National Council of Women's Organisation* Malaysia (NCWO) dan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Turut diadakan pada hari ini adalah pelancaran sambutan bulan kebangsaan peringkat KPWKM. Majlis pada hari ini turut dihadiri oleh YB Datuk Hajah Azizah Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Datin Paduka Chew Mei Fun, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YBhg. Dr. Rose Lena Lazemi, Ketua Setiausaha KPWKM dan kira-kira 300 orang pegawai dan kakitangan KPWKM.

Disediakan oleh:

- ❖ Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat
Aras 35, No. 55, Persiaran Perdana,
Presint 4, 62100 Putrajaya.
- ❖ No.Telefon: 03-8323 1087
No.Faks : 03-8323 2012
- ✉ E-mel : info@kpwkm.gov.my

ADUAN KRISIS MASYARAKAT
TALIAN Kasih
15999



<http://www.kpwkm.gov.my>



<https://www.facebook.com/kpwkm>



<https://twitter.com/KPWKM>



<https://www.instagram.com/kpwkm>



<https://www.youtube.com/user/KPWKMINFO>